



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. (a) Jawatan : **Pegawai Tadbir Gred N9**
(b) Kementerian / Jabatan : Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
2. Gaji Yang Ditawarkan : RM 3,150.00 (sebulan)
3. Syarat Lantikan : (a) Warganegara Malaysia;
(b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
(c) Hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
(d) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(e) Ijazah Sarjana Muda dengan Keupujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
4. Taraf Jawatan : **Contract For Service (CFS)**
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Tadbir Gred N9 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim Perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : i) Menyampaikan perkhidmatan pengurusan hubungan MDA dengan badan regulatori antarabangsa dan organisasi /pertubuhan berkaitan peranti perubatan bagi memastikan jaringan MDA di peringkat antarabangsa dapat diperkukuhkan serta menerajui usaha dalam memastikan organisasi terus mendapat manfaat daripada penglibatan dan keahlian dalam pertubuhan dan organisasi antarabangsa.
ii) Membantu dalam pelaksanaan proses kerja untuk memastikan pengurusan permohonan permit yang lebih cekap dan efisien, termasuk penyediaan dokumen, pengurusan emel rasmi, dan sokongan pentadbiran, bagi menyokong pegawai dalam mencapai matlamat unit dan mematuhi peraturan kawalseliaan pengimportan peranti perubatan yang ditetapkan



7. **Cara Memohon** : Pemohon hendaklah menghantar salinan dokumen – dokumen berikut yang telah siap dikokot/*distapler*) mengikut turutan.

- a) Resume Calon (berserta gambar berukuran pasport);
- b) Kad Pengenalan;
- c) Sijil Kelahiran;
- d) Sijil Tamat Persekolahan;
- e) Sijil STPM/STAM/SPM/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- f) Sijil Ijazah dalam bidang berkaitan berserta transkrip;
- g) Pengiktirafan kelayakan Ijazah/Diploma/Sijil daripada JPA/ MQA (sekiranya pemohon adalah lepasan IPTS) dan
- h) Lain-lain dokumen sokongan.

Ke alamat:

UNIT KHIDMAT PENGURUSAN
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
ARAS 6, PRIMA 9, PRIMA AVENUE II,
BLOK 3547, PERSIARAN APEC,
63000 CYBERJAYA, SELANGOR

(sila tulis nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri atas sampul surat)

- (i) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing, dan disertakan dengan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan kenyataan Perkhidmatan yang terkini.
- (ii) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak lengkap akan ditolak.
- (iii) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

8. **Tarikh Tutup Permohonan** : **21 November 2024 (Khamis) jam 3.00 petang**


NURUL AINI BINTI SURI
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Tarikh: 5 November 2024

